

30 SEP 2000

Abdullah-Ekonomi

JEPUN PUAS HATI DENGAN TINDAKAN KL TANGANI KRISIS MATAWANG

SEPANG, 30 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Jepun puas hati dan menghargai tindakan tegas Malaysia dalam menangani krisis matawang serta usaha yang diambil dalam memulihkan ekonomi.

"Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepentingan besar dalam perdagangan dan pelaburan di negara kita, kejayaan memulihkan ekonomi menyenangkan mereka," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini sekembalinya ke tanahair setelah melakukan lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Abdullah berkata perasaan itu dinyatakan oleh para pemimpin politik dan korporat Jepun dalam pertemuan mereka di Tokyo.

Abdullah berkata mereka "senang hati" dengan kejayaan Malaysia, khususnya kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Itu yang nampaknya mereka cukup hargai dan mereka berminat dengan kejayaan ekonomi Malaysia," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau telah mencadangkan kepada syarikat-syarikat Jepun supaya menempatkan lebih banyak operasi mereka di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Katanya syarikat-syarikat Jepun juga perlu meningkatkan penggunaan teknologi tinggi dalam operasi mereka sekiranya ingin terus melabur di Malaysia pada masa akan datang.

Malaysia kini menggunakan banyak tenaga pekerja asing dan ia boleh dikurangkan melalui penggunaan automasi, katanya.

Beliau juga berkata, anggota-anggota Parlimen Jepun yang ditemuinya telah menyatakan hasrat mereka mahu mengadakan hubungan dengan anggota-anggota Parlimen di Malaysia.

"Hubungan yang hendak dijalinkan dengan ahli Parlimen Malaysia baik dan membawa banyak manfaat kepada kedua-dua negara kerana daripada kalangan ahli parlimenlah lahirnya pemimpin kerajaan.

"Bila buat hubungan peringkat awal, ini akan memberi kebaikan untuk meningkatkan persefahaman dan membolehkan kerjasama dengan mudah," katanya.

Ketika ini anggota-anggota Parlimen Malaysia menganggotai Pertubuhan Antara Parlimen Asean (Aipo), Persatuan Anggota Parlimen Komanwel (CPA) dan Kesatuan Antara Parlimen (IPU).

Abdullah berkata, hubungan yang erat antara anggota Parlimen boleh membantu rakan mereka dari negara lain memahami isu-isu penting yang berlaku di negara ini.

"Dengan cara ini mereka dapat lebih memahami usaha kerajaan kita dan pendirian kerajaan kita tentang beberapa isu," katanya.

-- BERNAMA

RZS RZS AKD